

13/08/2001

Isu Myanmar semakin difahami dunia

Dzulkfley Zanudin

PERKEMBANGAN terbaru di arena politik serantau, termasuk mesyuarat menteri-menteri luar Asean di Hanoi, baru-baru ini yang turut menyentuh isu demokrasi di Myanmar pasti menarik tumpuan pemerhati.

Ini kerana dunia, termasuk menerusi pertubuhan dan persidangan serantau semakin menyedari masalah sebenar isu Myanmar yang berusaha membuktikan kepada semua negara itu memang menyanjung prinsip demokrasi tetapi perlu memulihkan keamanan sepenuhnya sebelum demokrasi yang diharapkan masyarakat antarabangsa itu bertapak dengan sempurna.

Yangon masih mengusahakan peralihan sistem politiknya berikutan pergolakan perkembangan politik di negara itu, terutama tentangan 18 kumpulan etnik bersenjata sejak hari pertama ia menikmati kemerdekaan pada 1948 daripada Britain.

Selain itu, perubahan corak pemerintahan negara itu termasuk demokrasi terpimpin, sosialis dan kini semakin membuka pintunya kepada ekonomi global, menjadi faktor demokrasinya perlu mengambil masa untuk bertapak di negara itu.

Meskipun dalam pertemuan 10 negara anggota Asean dan sekutu utamanya di ibu negara Vietnam itu, pertubuhan serantau penting, iaitu Kesatuan Eropah (EU) tetap menyatakan pendiriannya untuk tidak menarik sekatan ke atas Myanmar sehingga negara itu melakukan lebih banyak kemajuan berhubung dialognya dengan pembangkang politik, secara keseluruhan nada menekan Yangon semakin berkurangan.

Pesuruhjaya hal ehwal luar EU, Chris Patten, berkata meskipun beberapa kemajuan dilakukan kebelakangan ini, beliau berharap dialog antara junta tentera dan pemimpin Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD), Aung San Suu Kyi tidak mundur ke belakang, sebaliknya bergerak lebih pantas.

Pemerintah Myanmar, Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) mengadakan rundingan dengan Suu Kyi sejak lewat tahun lalu, dan dari semasa ke semasa membebaskan beberapa tahanan politik, termasuk bulan lalu.

Kumpulan hak asasi manusia antarabangsa, Amnesty International mendakwa masih ada sekurang-kurangnya 1,800 tahanan politik di Myanmar, dulunya Burma.

Menurut Patten, sehingga wujud kemajuan ketara di arena politik, pendirian bersama EU terus kekal.

Sempena mesyuarat itu, pegawai kanan EU menemui Menteri Luar Myanmar, Win Aung. Namun berbanding tahun lalu pemerhati berkata Myanmar menerima kurang perhatian, terutama terhadap isu politik dalamannya.

Setiausaha Agung Asean, Rodolfo Severino, berkata perwakilan yang mengambil bahagian dalam perbincangan memuji perkembangan terbaru di Myanmar dan mereka berharap lebih banyak perubahan dilakukan.

"Tiada lagi tuduhan atau perbincangan, sudah pasti keadaan itu agak berbeza berbanding tiga tahun lalu," beliau dipetik sebagai berkata.

Menteri Luar Myanmar pula berkata berbanding dua pertemuan dahulu, mesyuarat kali ini menyenangkannya, terutama usaha bersungguh-sungguh Yangon bagi memuaskan hati masyarakat antarabangsa.

Namun semua pihak perlu sedar, Yangon yang terkenal dengan kekentalan semangat kebangsaan dan jati dirinya meskipun dihimpit dan ditekan kuasa besar, tetap berbangga dengan demokrasi ala-Myanmar yang diamalkannya sekarang.

Bagi Yangon, isu atau masalah dalaman serta kedaulatan sesebuah negara

perlu diselesaikan sendiri sesebuah negara dan wajar dihormati dunia luar. Sebagaimana kuasa besar atau negara lain tidak mahu pihak lain cuba campur tangan atau 'jaga tepi kainnya' dalam isu dalaman atau 'soal rumah tangganya' begitu jugalah harapan Myanmar kepada dunia.

Selama ini, banyak kuasa besar, terutama Barat seperti Amerika Syarikat dan sekutunya dalam EU berusaha secara langsung atau tidak, termasuk menerusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) bagi menekan junta tentera negara itu.

Win Aung menegaskan rundingan dengan Suu Kyi menunjukkan kemajuan dan berpendapat sekatan Barat hanya menolak negara itu jauh ke lembah kemiskinan dan bukannya demokrasi seperti diharapkan.

"Suasana dialog sungguh baik. Kami menuju ke depan dan kemajuan sudah kelihatan, kami berhati-hati serta yakin."

Win Aung berkata proses berbaik semula tidak boleh dibuat tergesa-gesa kerana ia boleh menjerumuskan negara yang mempunyai 52 juta rakyat pelbagai suku kaum itu kepada perpecahan dan huru hara.

"Matlamat kami ialah menjadikan negara kami sebuah negara demokrasi. Itu harapan kami."

Menurutnya, sebelum Myanmar menerima demokrasi yang dipaksa ke atasnya, ia perlu terlebih dulu mengukuhkan ekonominya. Tetapi negara Barat memberitahu Yangon mereka tidak akan menarik balik sekatan selagi pembaharuan politik tidak muncul di negara itu.

Menteri Luar Australia, Alexander Downer turut bersetuju Yangon sudah melakukan 'kemajuan berhati-hati.'

"Keadaan semakin baik di Myanmar. Ada beberapa petanda dialog itu menuju hala tuju yang betul," katanya.

Patten berkata beliau berharap langkah Myanmar ke arah pembaharuan akan dipercepatkan selepas lawatan yang dirancang oleh perutusan khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail dari Malaysia ke negara itu, 27 Ogos ini selain lawatan perutusan hak asasi manusia PBB, Paulo Sergio Pinheiro, serta pasukan dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Kebanyakan pemerhati percaya kejayaan melembutkan hati Myanmar bagi menyertai semula arena hubungan antarabangsa berikutan faktor kesungguhan rakan karibnya dalam Asean dan PBB, iaitu Malaysia.

Malah menerusi usaha yang diperjuangkan Malaysia terhadap Yangon, terutama dasar kemakmuran bersama serantau yang cuba diketengahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berjaya mengurangkan pandangan sinis dunia luar terhadap Myanmar, sekali gus memberi peluang Yangon membuktikan kewibawaan dan peranan sebenarnya sebagai sebuah negara berdaulat.

Dalam isu buruh misalnya, ILO mengenakan sekatan ke atas Myanmar tahun lalu kerana dakwaan buruh paksaan di negara itu. EU turut mengenakan sekatan perdagangan, diplomatik dan kewangan selepas tentera Myanmar menumpaskan tunjuk perasaan pada 1988 dan enggan mengiktiraf kemenangan besar pemimpin prodemokrasi, Suu Kyi dalam pilihan raya umum 1990.

Meskipun tekanan dan sekatan terus dikenakan, namun pandangan kebanyakan negara luar terhadap Myanmar semakin berubah dengan usaha yang diambil junta tentera bagi membaiki keadaan itu. Dalam pada itu, kerajaan Yangon perlu berusaha gigih menonjolkan keikhlasannya menjadi negara yang disenangi semua.

Patten berkata EU bimbang akan kesan ekonomi dan sosial dasar kerajaan Myanmar, termasuk apa yang didakwa 'malapetaka kemanusiaan' wabak Aids di negara itu.

Sementara itu, Menteri Luar Jepun, Makiko Tanaka dalam pertemuan dengan rakan sejawatnya dari Myanmar menyeru rejim tentera membebaskan lebih ramai tahanan politik secepat mungkin serta mengambil langkah lain untuk

membaiki hubungannya dengan Tokyo.

Menurutnya, alasan Myanmar bahawa ia menghadapi `masalah dalaman' bukannya alasan untuk tidak melakukan kemajuan.

April lalu, Jepun tidak mempedulikan sekatan sekutu Baratnya ke atas Myanmar, dengan menyalurkan pakej bantuan AS\$28 juta (RM106 juta) untuk projek empangan sebagai insentif kepada rejim itu meneruskan dialog dengan Suu Kyi.

Tanaka mengakui Myanmar memang mempunyai masalah dalaman, tetapi semua negara turut menghadapinya.

"Myanmar perlu membangun secepat mungkin sebagai sebuah negara yang boleh kami bekerjasama." Dalam pertemuan itu, Tanaka turut diberitahu mengenai perkembangan dialog antara SPDC dengan Suu Kyi.

Namun, sebagaimana kenyataan Win Aung sebelum ini, menteri luar Myanmar itu berkata, rundingan dengan Suu Kyi tidak dilengahkan seperti didakwa ramai.

Dalam perkembangan berkaitan, rejim tentera Yangon membebaskan empat tahanan politik, 31 Julai lalu. Tahanan terbabit memenangi kerusi pilihan raya umum 1990 yang memihak kepada NLD pimpinan Suu Kyi serta dipenjarakan pada 1996 mengikut undang-undang keselamatan. Antara dibebaskan ialah Chit Htwe, calon bahagian Magwe; Khin Maung Win, Aung Myint serta Nyunt Aye, dari bahagian Bago.

Sejak Januari lalu, 157 tahanan politik dibebaskan dari penjara seluruh negara itu, termasuk tujuh ahli perundangan dilantik, berikutan perbincangan rahsia antara Suu Kyi dan junta.

NLD dilarang mengambil tampuk pemerintahan selepas memenangi lebih 80 peratus kerusi pada pilihan raya umum 1990. Tentera yang memerintah Myanmar sejak 1962 enggan membenarkan parlimen bersidang.

Suu Kyi, yang memenangi Hadiah Nobel Keamanan pada 1991 untuk perjuangan demokrasi, dan dua pembantu kanannya dikenakan tahanan rumah sejak September tahun lalu selepas dia cuba keluar dari Yangon untuk pertemuan politik, sekali gus melanggar sekatan rasmi dikenakan ke atasnya.

Menurut NLD, sekurang-kurangnya 29 daripada ahli perundangannya masih merengkuk di penjara.

Suruhanjaya pilihan raya berkata daripada 392 calon NLD yang menang dalam pilihan raya membabitkan 485 kerusi itu, hanya 104 wakil sah NLD masih tinggal, manakala yang lain mati, tinggal dalam buangan, dipenjarakan atau meletak jawatan.

Terdahulu, dua tahanan politik dibebaskan, termasuk seorang sepupu Suu Kyi, Nge Ma Ma Than yang dihukum 10 tahun penjara atas beberapa tuduhan, termasuk cuba menyeludup keluar satu pita video ucapan tokoh pembangkang itu.

Kedua-duanya dihukum penjara sehingga tiga tahun mengikut Undang-Undang Percetakan dan Penerbitan serta tujuh tahun mengikut Akta Peruntukan Darurat.

Kerajaan turut menuduh mereka membantu sebuah kumpulan hak asasi Amerika Syarikat mengirimi AS\$85,200 (RM323,760) untuk Suu Kyi.

Pembebasan mereka hasil berikutan rundingan rahsia antara Suu Kyi dan rejim, yang turut dibantu kunjungan Razali ke Yangon, iaitu langkah paling ketara ke arah berbaik semula selepas sedekad menghadapi kebuntuan politik.

Perkembangan itu juga petanda utama sebarang kemajuan rundingan yang mana kandungannya tidak diumumkan kepada ramai.

Kegagalan Suu Kyi muncul dalam satu upacara rasmi, baru-baru ini bagi memperingati mendiang bapanya, Jeneral Aung San, wira kemerdekaan Myanmar, mencetuskan spekulasi hubungan mereka belum pulih sepenuhnya, walaupun beberapa penganalisis berkata pemimpin pembangkang itu lebih cuba menunjukkan kepada masyarakat antarabangsa pergerakannya masih disekat.

Pembebasan demi pembebasan tahanan politik serta kefahaman masyarakat dunia terhadap isu Myanmar membuka harapan cerah kepada penyelesaian masalah duri dalam daging politik negara itu, sekali gus turut membantu meredakan lagi pergolakan politik di rantau Asia Tenggara.

Hanya masa dapat menentukan segalanya untuk membolehkan Myanmar mendapat tempatnya yang sah dalam arena politik antarabangsa, termasuk di rantau ini, terutama kedudukannya yang pernah menjadi `abang besar' dari segi kemodenan dan pembangunan kepada kebanyakan negara di Asia Tenggara pada 1950-an hingga 1960-an.

(END)